



Australian Government
Department of Infrastructure,
Regional Development and Cities

LAPORAN PERUNDINGAN KOMUNITI Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas



November 2018

© Komanwel Australia 2018
November 2018/INFRA3761

Pemilikan hak harta intelektual terhadap terbitan ini

Kecuali dinyatakan sebaliknya, hak cipta (dan hak harta intelektual yang lain, jika ada) terhadap terbitan ini dimiliki oleh Komanwel Australia (dirujuk di bawah ini sebagai "Komanwel" sahaja).

Penafian

Bahan di dalam terbitan ini disediakan dengan pemahaman bahawa Komanwel tidak menyediakan nasihat profesional, dan bahawa penggunaanya menggunakan kemahiran dan ketelitian sendiri apabila menggunakan bahan ini dan mendapatkan nasihat pihak lain jika perlu.

Komanwel tidak menyatakan mahupun menjamin kandungannya mahupun ketepatan maklumat di dalam terbitan ini. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Komanwel menafikan liabiliti kepada sesiapa atau mana-mana organisasi terhadap apa-apa sahaja yang dilakukan ataupun yang sepatutnya dilakukan tetapi tidak dilakukan, berdasarkan maklumat di dalam terbitan ini.

Lesen Creative Commons

Dengan pengecualian (a) Jata; (b) gambar dan grafik Jabatan Infrastruktur; hak cipta terhadap terbitan ini dilesenkan di bawah Lesen Australia Creative Commons Attribution 4.0.

Lesen Australia Creative Commons Attribution 4.0 ialah perjanjian lesen berbentuk standard yang membenarkan anda menyalin, mengedarkan dan menyesuaikan terbitan ini, dengan syarat anda menyatakan bahawa ini hasil kerja Komanwel dan anda mematuhi syarat-syarat lesen yang lain.

Ringkasan syarat-syarat lesen boleh didapati di <http://creativecommons.org/licenses>. Hasil kerja terbitan ini hendaklah dinyatakan dengan cara yang berikut: © Komanwel Australia 2018

Penggunaan Jata

Jabatan Perdana Menteri dan Kabinet menetapkan syarat-syarat penggunaan Jata. Rujuk kepada ruangan Jata Komanwel dan Penjenamaan Kerajaan di laman web Jabatan ini, iaitu <http://www.dpmc.gov.au/guidelines/index.cfm#brand> dan khususnya, terbitan Garis Panduan penggunaan Jata Komanwel.

Hubungi kami

Terbitan ini disediakan dalam bentuk bercetak dan juga dalam format PDF. Semua hak lain terpelihara, termasuklah hak yang berkait dengan logo atau tanda dagang Jabatan ini, jika ada. Untuk bertanya tentang lesen ini dan penggunaan terbitan ini, hubungi:

Director — Publishing and Communications Section
Department of Infrastructure, Regional Development and Cities
GPO Box 594, Canberra ACT 2601 Australia

E-mel: publishing@infrastructure.gov.au
Laman web: www.infrastructure.gov.au



Australian Government
Department of Infrastructure
and Regional Development

LAPORAN PERUNDINGAN KOMUNITI Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas

November 2018

Perundingan Dengan Komuniti Pulau Christmas



Kerajaan Australia maklum bahawa sungguhpun ramai penduduk Pulau Christmas menyokong penubuhan sebuah kasino sebagai cara menggalakkan pembangunan ekonomi dan menambahkan peluang pekerjaan, namun terdapat juga kekhawatiran tentang kesan buruk yang mungkin dibawanya terhadap komuniti.

Penolong Menteri Pembangunan Regional Dan Wilayah, Yang Berhormat Ahli Parlimen Puan Sussan Ley, telah meminta Pentadbir Wilayah Pulau Christmas dan Kepulauan Cocos (Keeling), Puan Natasha Griggs (Pentadbir), dan Jabatan Infrastruktur, Pembangunan Regional dan Bandar Raya (Jabatan) mengadakan perjumpaan dengan komuniti Pulau Christmas untuk membincangkan manfaat, cabaran dan masalah yang berkait dengan penubuhan kasino di Pulau Christmas.

Suatu kertas perbincangan telah diedarkan oleh Jabatan ini pada 1 November 2018 kepada komuniti untuk meminta maklumat yang boleh digunakan dalam perbincangan sebagai bentuk perundingan dengan komuniti. Berikutan pengedaran kertas perbincangan tersebut, Jabatan ini telah mengadakan beberapa mesyuarat perundingan dengan komuniti di Pulau Christmas dari 6 hingga 9 November, dan anggota-anggota komuniti juga telah dipelawa menyerahkan maklum balas secara bertulis. Segala dokumentasi yang disediakan untuk komuniti telah diterjemahkan kepada tiga bahasa yang digunakan oleh komuniti, iaitu Inggeris, Cina dan Melayu.

Tujuan perundingan ini diadakan dengan komuniti adalah untuk mendapatkan pelbagai pandangan daripada komuniti tentang kemungkinan menujuhkan pusat peranginan yang juga memegang lesen kasino di Pulau Christmas. Beberapa mesyuarat kumpulan kecil dan sebuah mesyuarat Dewan Perbandaran telah diadakan sepanjang empat hari. Di samping itu, 35 serahan bertulis telah diterima. Selain bahasa Inggeris, borang maklum balas yang diisi dalam bahasa Cina dan Melayu juga diterima dan diterjemahkan kepada bahasa Inggeris. Khidmat jurubahasa bertaualiah dalam tiga bahasa ini juga digunakan semasa mesyuarat perundingan dengan komuniti Cina dan Melayu khususnya, dan juga semasa mesyuarat Dewan Perbandaran.

Laporan ini meringkaskan maklum balas yang diterima melalui perundingan dengan komuniti dan serahan bertulis. Semua maklum balas dipertimbangkan dengan teliti oleh Jabatan ini dan akan digunakan untuk menyusun sebuah usul yang akan dikemukakan kepada Kerajaan Australia. Pentadbir dan Jabatan ini amat menghargai masa dan usaha yang disumbangkan oleh setiap orang, organisasi dan komuniti untuk menyediakan serahan dan menghadiri mesyuarat perundingan.

Isi penting perundingan





LAPORAN PERUNDINGAN KOMUNITI
Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas



Ringkasan pandangan komuniti tentang kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas

Secara keseluruhannya, para responden menyokong pengeluaran semula lesen kasino sebagai pemangkin untuk membina sebuah pusat peranginan, yang akan membawa pembangunan ekonomi dan membuka peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, sebilangan besar responden, termasuklah Majlis Agama Islam Pulau Christmas, menentang pengeluaran semula lesen kasino dan khuatir tentang kesan buruknya terhadap komuniti. Ramai yang merasakan bahawa pengajaran harus diambil daripada pengalaman mengendalikan kasino dahulu, iaitu yang baik dan juga yang buruk. Maklum balas yang diterima melalui serahan bertulis, mesyuarat kumpulan kecil dan mesyuarat Dewan Perbandaran bertumpu pada beberapa tajuk penting yang dibentangkan di bawah ini.

Model perniagaan pusat peranginan bersepadu

Kebanyakan maklum balas yang diterima telah menyatakan keinginan melihat sebuah pusat peranginan bersepadu yang merangkumi hotel berserta kasino dan juga kemudahan hiburan, kedai dan restoran. Para responden menyatakan bahawa sebuah pusat peranginan bersepadu dapat mengatasi masalah ketiadaan tempat menginap yang mewah untuk pelancong serta kekurangan aktiviti hiburan dan rekreasi untuk pelancong dan penduduk. Pilihan menubuhkan sebuah kasino butik dan kasino dalam talian juga dinyatakan dengan syarat salah satu pilihan ini dikaitkan dengan sebuah pusat peranginan.

Secara umumnya diakui bahawa kasino di Pulau Christmas perlu menetapkan sasarannya pada pasaran kasino Asia, dan kasino-kasino yang sudah beroperasi sekitar Asia mungkin menjelaskan daya hidup kasino di Pulau Christmas. Para responden menyatakan bahawa keadaan Pulau Christmas yang selamat dan kurang dikenali adalah suatu kelebihan dari segi persaingan bagi pasaran Asia. Menurut mereka, kelebihan kasino yang lepas berbanding pesaing-pesaingnya bergantung pada visa ketibaan untuk para penjudi dari Indonesia yang tidak lagi wujud.

Perangsang dan peluang ekonomi yang dijangka bagi sektor pelancongan

Ramai responden menyokong pengeluaran semula lesen kasino untuk menggiatkan pertumbuhan ekonomi berikutan kemerosotan aktiviti ekonomi selepas Pusat Tahanan Imigresen beralih kepada keadaan kontingenzi hangat dan jangkaan bahawa lombong fosfat akan ditutup. Kasino ini, jika disepadukan dengan sebuah pusat peranginan, dijangka akan menyediakan garis dasar baharu untuk perkembangan perniagaan. Dijangka bahawa pusat peranginan bersepadu akan menambahkan dan mempelbagaikan aktiviti pelancongan dengan adanya tempat menginap yang mewah dan aktiviti selain kembara dan pelancongan alam semula jadi. Dijangka juga bahawa bilangan pelancong yang semakin ramai akan menambahkan bilangan penerbangan dan menurunkan harga tambangnya, dengan itu Pulau Christmas akan menjadi destinasi yang lebih mudah dan lebih murah dikunjungi oleh pelancong.

Sungguhpun komuniti mengakui bahawa mereka akan mendapat manfaat daripada kasino yang menggiatkan industri pelancongan, namun juga difahami bahawa Pulau Christmas mudah terjejas oleh aktiviti pelancongan yang terlalu giat memandangkan saiznya yang kecil, persekitarannya yang terlindung dan pergantungannya pada tanah besar untuk menerima barang keperluan. Anggota-anggota komuniti menegaskan kepentingan memastikan lesen kasino itu akan mengehadkan bilangan pelancong kepada tahap yang boleh ditampung dan akan mematuhi undang-undang alam sekitar untuk menjamin bahawa Pulau Christmas tidak kehilangan daya tarikannya sekarang sebagai tempat yang terpencil dan belum diterokai.

Peluang pekerjaan dan latihan untuk penduduk tempatan

Para responden menyatakan bahawa kasino akan mempelbagaikan pasaran pekerjaan serta membuka peluang pekerjaan dan latihan tempatan yang sangat diperlukan. Difahami bahawa industri di Pulau Christmas selama ini mengambil khidmat pekerja secara FIFO (terbang masuk dan terbang keluar) lalu menyebabkan penduduk tempatan menganggur dan tenaga buruh mahir berkurang. Anggota-anggota komuniti mencadangkan agar lesen kasino dikenakan larangan mengambil pekerja FIFO serta syarat memperoleh bekalan dan pekerja daripada sumber tempatan.

Ramai anggota komuniti juga khuatir tentang penghijrahan golongan yang berusia 18 hingga 40 tahun ke tanah besar untuk mendapatkan pekerjaan, pendidikan dan latihan. Komuniti menjangka bahawa trend ini akan berterusan berikutan penutupan lombong. Dicadangkan bahawa kasino ini juga dapat menawarkan program lepasan persekolahan serta peluang pekerjaan separuh masa dan sambilan untuk melibatkan golongan belia dan menggalakkan mereka mencari peluang pekerjaan dan latihan di Pulau Christmas.

Proses yang cepat, cekap dan dipertimbangkan dengan baik

Para responden menegaskan kepentingan mengadakan proses yang cepat dan cekap apabila membuat keputusan berhubung dengan pengeluaran semula lesen kasino. Terdapat sokongan komuniti yang kukuh, khususnya oleh Shire Pulau Christmas dan Kesatuan Pekerja Pulau Christmas, bahawa lesen ini diberikan kepada pemilik pusat peranginan yang ada sekarang. Sebaliknya, peserta perundingan kumpulan kecil pula lebih suka jika lesen ini dianugerahkan menurut proses tender terbuka. Para responden juga menyatakan bahawa komuniti sudah jemu melalui kitaran perkembangan dan penguncutan ekonomi yang lepas dan memohon jaminan bahawa model kasino yang dapat bertahan dihasilkan sebelum lesen dikeluarkan.

Dana Manfaat Komuniti

Sangat ramai responden menyokong penubuhan Dana Manfaat Komuniti (CBF) sebagai syarat pengendalian kasino dan bahawa wang dana diuruskan oleh sebuah badan bebas atau sebuah lembaga yang berasingan dengan Kerajaan Australia dan Shire Pulau Christmas. Para responden menyatakan bahawa CBF ini boleh menyediakan bantuan kewangan untuk membiayai:

- pembinaan infrastruktur yang menyokong usaha jangka panjang untuk mempelbagaikan ekonomi, misalnya menambah baik infrastruktur pelancong
- perkhidmatan mengurangkan mudarat untuk mengatasi masalah sosial yang timbul akibat pengendalian kasino
- program-program yang diuruskan oleh organisasi yang tidak mencari keuntungan
- peluang pendidikan seperti biasiswa, dan
- acara sosial dan kebudayaan untuk komuniti, misalnya temasya sukan dan sambutan Tahun Baharu Cina.

Beberapa pilihan yang ditentukan bagi Dana Manfaat Komuniti



Kesan terhadap komuniti

Komuniti mengenal pasti beberapa masalah penting yang boleh timbul disebabkan penubuhan kasino, seperti pertambahan aktiviti jenayah, masalah sosial yang lebih besar dan tekanan terhadap infrastruktur serta perkhidmatan yang ada sekarang. Para responden menyatakan bahawa penubuhan kasino mungkin dikaitkan dengan pertambahan perbuatan jenayah seperti pengubahan wang haram serta perdagangan manusia dan penyeludupan dadah. Hal ini memerlukan pertambahan perkhidmatan pengawalan, seperti polis dan perlindungan sempadan.

Ramai responden bimbang bahawa kasino boleh meningkatkan masalah sosial yang tertentu dalam komuniti, seperti penyalahgunaan dadah dan arak serta keganasan yang berkait dengannya, keganasan rumah tangga, pelacuran dan ketagihan perjudian. Para responden menyatakan bahawa masalah begini boleh merosakkan kedudukan dan reputasi mereka sebagai komuniti yang mementingkan hubungan kekeluargaan. Mereka juga khuatir bahawa anggota komuniti yang sudah berumur akan menghabiskan wang persaraan mereka kerana kasino akan memudahkan perjudian. Komuniti menyatakan bahawa perkhidmatan sokongan sosial yang meluas, termasuklah kaunseling dan perlindungan kanak-kanak diperlukan untuk menguruskan masalah-masalah sosial ini. Selain itu, antara langkah yang dicadangkan untuk mengurangkan mudarat ialah larangan berjudi terhadap penduduk tempatan dan menempatkan kasino di luar kawasan kediaman untuk menyukarkan komuniti tempatan pergi ke kasino.

LAPORAN PERUNDINGAN KOMUNITI
Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas


Tekanan terhadap infrastruktur dan perkhidmatan yang ada sekarang, seperti kemudahan kesihatan, perumahan awam, serta bekalan air dan elektrik juga dikenal pasti sebagai masalah yang berkait dengan jangkaan pertambahan bilangan pengunjung dan penduduk berikutnya penubuhan kasino. Di samping itu, para responden merasakan bahawa pertambahan bilangan penduduk boleh mengurangkan bilangan kediaman persendirian yang tersedia lalu meninggikan harga sewa dan mungkin juga mengecualikan penduduk tempatan daripada pasaran perumahan.

Pilihan industri yang lebih luas

Para responden merasakan bahawa sokongan tinggi terhadap kasino datangnya daripada keperluan mewujudkan industri baharu di Pulau Christmas untuk menyokong pekerjaan dan ekonomi. Industri-industri lain dikatakan akan menjadi pilihan baharu atau pilihan tambahan apabila kasino ditubuhkan. Antaranya ialah penyelidikan dan pendidikan antarabangsa yang disokong dengan landskap ekologi yang unik, kewujudan industri pertanian, dan infrastruktur pelancong yang lebih baik untuk meluaskan industri pelancongan dengan tumpuan pada aset-aset semula jadi (menyelam, memerhatikan burung).

Langkah-langkah yang seterusnya:

Maklum balas yang diperoleh melalui perundingan, yang diringkaskan dalam laporan ini, akan digunakan untuk menyusun sebuah usul yang akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Australia. Usul tersebut akan membentangkan manfaat dan cabaran penting yang berkait dengan penubuhan sebuah kasino. Usul ini juga akan menggunakan maklumat yang diperoleh melalui perundingan dengan agensi-agensi Kerajaan Australia yang lain, perundingan dengan kerajaan Negeri dan Wilayah, dan nasihat dari luar tentang pasaran, daya hidup dan peraturan yang dikenakan terhadap kasino. Jika sesuatu usul disokong oleh Kerajaan Australia, sebuah rejim undang-undang dan peraturan baharu perlu diadakan sebagai asas mengeluarkan semula lesen kasino bagi Pulau Christmas. Undang-undang bagi rejim baharu ini akan dikemukakan kepada Parlimen.



LAPORAN PERUNDINGAN KOMUNITI
Kemungkinan menubuhkan kasino di Pulau Christmas

Butir-butir perundingan:

Kumpulan-kumpulan komuniti yang dirunding	Kehadiran
Wakil-wakil daripada jabatan dan agensi Kerajaan Australia	5
Wakil-wakil perniagaan	5
Komuniti Cina	20+
Murid-murid gred 7-10 daripada Sekolah Menengah Daerah Pulau Christmas	30+
Kakitangan Sekolah Menengah Daerah Pulau Christmas	5
Bekas pekerja kasino	6
Persatuan Latihan Kumpulan Wilayah Lautan Hindi	1
Komuniti Melayu dan Majlis Agama Islam	53
Shire Pulau Christmas	6
Wakil-wakil industri pelancongan	7
Mesyuarat Dewan Perbandaran	120+
Wakil-wakil kesejahteraan	3
Serahan bertulis	Jumlah bilangan yang diterima: 35

www.infrastructure.gov.au